

BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN
NOVEMBER 2023

**PROGRAM "UNITE FOR HUMANITY" MENGGALAKKAN
SEMANGAT GENERASI MUDA MENJADI AHLI
SUKARELAWAN**

*Siti Aishah Mohd Shafie, Noorezatty Mohd Yusop, Nuralina Azlan,
Nor Akmal Md Noh.*

**KESINAMBUNGAN KERJASAMA ERAT ANTARA UiTM
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN HOSPITAL PAKAR
CMH SEREMBAN BAGI PENGANJURAN PROGRAM
BERASASKAN KESIHATAN**

Siti Syaida Sirat, Ahmad Husaini Mohamed & Jamil Mohamed Sapari

**PROGRAM UiTM ALUMNI FUN RUN 2023 CAWANGAN
NEGERI SEMBILAN**

*Asmahanim Binti Haji Mohamad Yusuf, Nur Hafizah Abdul Khalid, Nur Amirah Nabihah
Zainal Abidin, Fatin Aliyah Binti Hasan, Mohd Nur Fitri Bin Mohd Salim*

eISSN 2811-3802



9 7 7 2 8 1 1 3 8 0 0 8

*Program "Hearts and Souls for Everyone"
Memupuk Kesedaran Kepentingan Nilai
Kemanusiaan Walau Dimana Jua Kita Berada*

**SITI AISHAH MOHD SHAFIE, JAIDA NAJIHAH JAMIDIN,
NOREHA MOHAMED YUSOF & HASLINDA AB MALEK.**

Mutakhir ini, di dada-dada akhbar memaparkan pelbagai masalah sosial yang telah melanda masyarakat kita. Kes dera, pembuangan bayi, pengabaian ibu bapa, dan juga kes bunuh tidak lain dan tidak bukan adalah kerana hilangnya sifat keperimanasian dalam diri masyarakat kita kini. Sifat keperimanasian yang semakin terhakis itu perlu dipupuk kembali untuk memanasikan manusia bukan sahaja di peringkat sekolah malah juga di peringkat universiti. Oleh itu, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban mengambil pendekatan dengan mengadakan program bagi memupuk kesedaran kepentingan nilai kemanusiaan. Program yang dijalankan ini bertujuan mengajar generasi muda tentang hak asasi manusia, etika dan bagaimana kita boleh menjalani kehidupan yang bermakna dengan menghormati kepelbagaian manusia. Program ini juga bertujuan untuk memupuk kesedaran mahasiswa mengenai kepentingan hidup bermasyarakat tanpa mengira status.

Pada 13 Jun 2023, Kokurikulum Khidmat Masyarakat 1 UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban telah menganjurkan satu program bertajuk 'Heart and Souls for Everyone' buat mahasiswa dan mahasiswi UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban. Program yang bermula pada jam 8.30 malam berlangsung hampir 2 jam 30 minit telah diadakan di Dewan Toh Puan Sungei Ujong 1, Pusat Kegiatan Pelajar dan disertai oleh 165 pelajar. Melalui program ini, Pertubuhan Jiwa Amal Malaysia (JIWA) telah dijemput untuk berkongsi pengalaman mereka dalam aktiviti kesukarelawan yang dijalankan di pelbagai negara dengan penglibatan pelajar universiti di samping mendedahkan pelajar dengan ilmu kesukarelawan dan persediaan awal bagi menjadi ahli sukarelawan.

Pertubuhan JIWA yang membawa motto "hebat amal hebat jiwa" atau "good deed good soul" dibangunkan untuk menyatukan komuniti-komuniti Malaysia untuk lebih cakna tentang usaha-usaha kemanusiaan dan kesukarelawan dengan berkongsi nilai ihsan yang sama serta membela hak-hak kemanusiaan sejagat melalui bantuan-bantuan kemanusiaan, pembangunan kemahiran belia serta sosio-ekonomi, kesedaran sosial, pendidikan, kesihatan, kerohanian dan pengupayaan golongan B40 untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Matlamat Pertubuhan JIWA berteraskan empat komponen utama iaitu JAGA dengan menjaga kebajikan sosial golongan B40 yang memerlukan. Yang kedua iaitu IHSAN dengan meningkatkan nilai belas kasihan komuniti tanpa prejudis. Seterusnya, WIRA dengan mewujudkan wira dalam dunia kemanusiaan dalam kalangan komuniti dan akhir sekali, AMAL di mana dengan memperluas jaringan kebajikan amal yang konsisten dan holistik.

Pertubuhan JIWA ini telah diasaskan oleh Encik Syed Zainal Abidin Al Jamalullail Syed Abdul Aziz dimana beliau merupakan alumni Universiti Teknologi MARA dari bidang Kejuruteraan dan Kimia. Pada tahun 2005, beliau bermula dengan menuntut Diploma Sains Gunaan (Biologi)

dan kemudian menyambung pengajian ke Sarjana Muda Sains (Kepujian) Kimia Analisis Forensik pada tahun 2008. Selepas itu, beliau juga meneruskan pengajian ke Sarjana Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Alam Sekitar pada tahun 2013 dan berjaya menamatkan pengajian selepas dua tahun dengan mencapai skor CGPA 3.29. Selaku pengasas Pertubuhan Jiwa selama 7 tahun, beliau telah berjaya memberikan anggaran lebih 100,000 penerima bantuan yang menerima pelbagai manfaat melalui projek-projek kebaikan yang dianjurkan dan juga berjaya mengusahakan lebih 50,000 jam kesukarelawan di 11 buah negara dimana 70% daripadanya dijalankan di Malaysia. Beliau juga melalui pertubuhan Jiwa sering menjalankan misi kemanusiaan dan projek kebajikan bersama pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan juga rakan-rakan aktivis samada dalam dan luar negara. Antara projek yang telah dijayakan oleh pertubuhan Jiwa adalah seperti Projek Jiwa Jumaat, Projek Komuniti Kita, Projek Usratuna, Projek Tunawicara, Projek Soonut, Projek Kit Jenazah dan Suka Rewang. Setelah mendengar penerangan oleh pengasas Pertubuhan Jiwa, mahasiswa dan mahasiswi dilihat bersemangat dan ada di antara mereka yang telah mendaftarkan diri sebagai sukarelawan di bawah Pertubuhan Jiwa selepas tamat program.

UiTM Negeri Sembilan amatlah berbesar hati dengan kehadiran Pertubuhan Jiwa dan amatberharap agar sesi seumpama ini akan dijalankan lagi di masa akan datang. Secara keseluruhan, program ini telah berjalan lancar dimana ianya mampu mendidik para mahasiswa dan mahasiswi untuk sentiasa menceburkan diri di dalam aktiviti kemasyarakatan.

Misi kesukarelawan ini dapat dijayakan dengan penyertaan semua lapisan masyarakat terutama golongan muda tanpa mengira latar belakang, agama dan bangsa melalui pelbagai saluran secara individu, agensi, institusi dan juga pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan untuk membantu golongan yang memerlukan. Jelaslah di disini bahawa nilai kemanusiaan dapat menyatukan rakyat Malaysia. Penganjuran program bukanlah semata-mata untuk melengkapkan ketetapan "Scheme of Works" daripada pihak UiTM, akan tetapi ia mengandungi nilai yang lebih besar daripada itu. Pengalaman ini sememangnya tidak dapat dibeli dengan wang ringgit, sekaligus menjadi pemangkin buat mahasiwa dalam menempuh alam pekerjaan kelak. Program yang mendapat maklumbalas yang baik seperti ini perlu diteruskan lagi pada masa akan datang. Tuntasnya, aktiviti kemasyarakatan penting untuk memupuk nilai hormat - menghormati dan tolak ansur dalam diri setiap anggota masyarakat.



Sesi perkongsian oleh Pengasas Pertubuhan Jiwa, Encik Syed Zainal Abidin Al Jamalullail Syed Abdul Aziz ditemani dua moderator program, Cik Nur Afika Ayuni Selamat dan Cik Amirah Madihah Adhar.



Sesi Penyampaian cenderamata oleh Jurulatih Kokurikulum Khidmat Masyarakat 1, Puan Siti Aishah Mohd Shafie kepada Pengasas Pertubuhan JIWA, Encik Syed Zainal Abidin Al Jamalullail Syed Abdul Aziz.

Sesi bergambar bersama semua peserta program "Heart and Souls for Everyone".



Poster hebahan Program "Heart and Souls for Everyone".